



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
INDEKS KOS BAHAN BINAAN
JUN 2023**

Indeks harga besi mencatatkan penurunan antara 0.6 peratus dan 2.3 peratus pada Jun 2023

PUTRAJAYA, 11 Julai 2023 – Pada hari ini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR JUN 2023**. Penerbitan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan utama dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan hari ini, DOSM menyatakan bahawa perbandingan bulanan mengikut bahan binaan dan kawasan terpilih menunjukkan penurunan indeks harga seunit bagi bahan binaan seperti besi, bahan paip dan keratan keluli & logam bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Manakala bahan binaan lain seperti simen dan kayu pula mencatatkan peningkatan harga.

DOSM turut menyatakan perbandingan bulanan pada Jun 2023 mencatatkan penurunan indeks harga seunit besi iaitu di antara 0.6 peratus dan 2.3 peratus bagi hampir semua kawasan Semenanjung Malaysia dan Sabah. Manakala indeks harga seunit besi kekal tidak berubah bagi beberapa kawasan seperti di Johor, Terengganu & Kelantan dan semua kawasan di Sarawak (Kuching, Sibu dan Miri) berbanding Mei 2023. Selain daripada besi, indeks harga seunit keratan keluli & logam juga turut mencatatkan penurunan iaitu antara 0.3 peratus dan 2.1 peratus bagi semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Penurunan indeks harga besi dan keratan keluli & logam ini adalah seiring dengan senario penurunan harga besi dan bijih besi di peringkat global.

Perbandingan bulanan mengikut bahan binaan dan kawasan terpilih juga menunjukkan simen masih terus mencatatkan peningkatan harga. Namun begitu, pada Jun 2023, indeks harga seunit simen meningkat dengan kadar yang lebih perlahan iaitu antara 0.1 peratus dan 0.9 peratus berbanding Mei 2023 (1.8 peratus hingga 4.0 peratus).

Selain daripada simen, indeks harga bagi seunit kayu juga telah meningkat antara 2.3 peratus dan 4.0 peratus di semua kawasan di Semenanjung Malaysia kecuali di kawasan Johor dan kawasan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan. Namun begitu, indeks harga seunit kayu bagi semua kawasan Sabah dan Sarawak pula kekal tidak berubah berbanding Mei 2023.

Manakala bagi perbandingan secara tahunan untuk tempoh Jun 2022 dan Jun 2023 menunjukkan indeks harga seunit simen telah mencatatkan peningkatan antara 2.4 peratus dan 17.5 peratus, bagi kesemua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Tambahan daripada itu, dalam konteks item dan kawasan, indeks harga seunit bahan binaan di Semenanjung Malaysia meningkat antara 0.2 peratus hingga 17.5 peratus bagi Jun 2023 berbanding bulan yang sama tahun lalu. Peningkatan tertinggi bagi kawasan di Semenanjung Malaysia adalah simen di Kelantan & Terengganu (17.5%), diikuti oleh batu bata & dinding di Johor (17.4%) dan simen di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis (17.1%). Sementara itu, indeks harga bagi seunit bahan binaan yang mencatatkan peningkatan tertinggi di Sabah adalah bahan paip di Kota Kinabalu (17.6%), manakala di Sarawak pula adalah kayu di Sibu (31.7%) dan batu bata & dinding di Miri (23.3%).

DOSM turut menyatakan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* adalah RM3,689.50 bagi setiap tan metrik dengan penurunan 0.5 peratus berbanding bulan sebelumnya (Mei 2023: RM3,708.75 per tan metrik). Manakala, purata harga simen (*Ordinary Portland*) meningkat lebih perlahan iaitu 0.2 peratus (Mei 2023: 1.4%), dengan purata harga RM22.86 per 50 kg berbanding RM22.81 (Mei 2023).

Selain itu, indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) (tanpa bar keluli dan termasuk bar keluli) bagi semua kategori bangunan di Semenanjung Malaysia pada Jun 2023 meningkat antara 0.1 peratus dan 4.1 peratus berbanding bulan sebelumnya. Peningkatan tertinggi adalah Cerucuk Kayu di Perak, Pahang dan Kelantan & Terengganu.

IKB (termasuk bar keluli) di Sabah menunjukkan peningkatan yang perlahan bagi hampir semua kategori bangunan di Kota Kinabalu iaitu di antara 0.1 dan 2.0 peratus pada Jun 2023 berbanding bulan sebelumnya. Manakala IKB bagi semua kategori bangunan Tawau pula kekal tidak berubah pada Jun 2023 berbanding bulan sebelumnya.

Perbandingan bulanan IKB (termasuk bar keluli) di Sarawak pada Jun 2023 menunjukkan penurunan di antara 0.1 dan 0.5 peratus bagi hampir semua kategori bangunan terutamanya di Kuching. Walau bagaimanapun, kebanyakan kategori bangunan di Miri dan Sibu mencatatkan tiada perubahan pada indeks.

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisyiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.


DOSM akan mengeluarkan Anggaran KDNK Awalan bermula pada suku tahun kedua 2023. Anggaran awalan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh DOSM untuk memberikan gambaran prestasi ekonomi empat (4) minggu awal sebelum KDNK Suku Tahunan dikeluarkan.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 11 Julai 2023

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Jun 2022 – Jun 2023



Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Jun 2022 – Jun 2023



Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 JULAI 2023

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, July 11, 2023



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
BUILDING COST INDEX, MALAYSIA
JUNE 2023**

***The price index of steel recorded a decrease between
0.6 per cent and 2.3 per cent in June 2023***

PUTRAJAYA, July 11, 2023 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, JUNE 2023, today. This release presents the unit price index of major building materials and the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, DOSM said that a month-on-month comparison of construction materials and selected areas showed a decrease in the unit price index for selected materials such as steel, plumbing materials and steel & metal sections for almost all areas of Peninsular Malaysia, Sabah, and Sarawak. Meanwhile, other building materials such as cement and timber recorded an increase in price.

DOSM also stated that a month-on-month comparison in June 2023 recorded a decrease in the price index per unit of steel, which is between 0.6 per cent and 2.3 per cent for almost all areas of Peninsular Malaysia and Sabah. Meanwhile the price index per unit of steel remains unchanged for several areas such as in Johor, Terengganu & Kelantan and all areas in Sarawak (Kuching, Sibu and Miri) as compared to May 2023. Apart from steel, the price index per unit of steel & metal sections also recorded a decrease, which is between 0.3 per cent and 2.1 per cent for all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The decrease in the price index of steel and steel & metal sections was in line with the scenario of decreases in the prices of steel and iron ore at the global level.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, July 11, 2023

A month-on-month comparisons according to construction materials and selected areas also showed that cement still continued to record price increases. Nevertheless, in June 2023, the price index per unit of cement increased at a slower pace, which was between 0.1 per cent and 0.9 per cent as compared to May 2023 (1.8 per cent to 4.0 per cent).

Apart from cement, the price index for a unit of timber has also increased between 2.3 per cent and 4.0 per cent in all areas of Peninsular Malaysia except in Johor and Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka, and Negeri Sembilan. Nevertheless, the price index per unit of timber for all areas of Sabah and Sarawak remained unchanged as compared to May 2023.

Meanwhile, an annual comparison for the period of June 2022 and June 2023 showed that the unit price index of cement has recorded an increase between 2.4 per cent and 17.5 per cent for all areas in Peninsular Malaysia, Sabah, and Sarawak. In addition to that, in the context of items and areas, the unit price index of building materials in Peninsular Malaysia increased between 0.2 per cent and 17.5 per cent for June 2023 as compared to the same month last year. The highest increase for areas in Peninsular Malaysia was cement in Kelantan & Terengganu (17.5%), followed by bricks & walls in Johor (17.4%), and cement in Pulau Pinang, Kedah, and Perlis (17.1%). The price index for a unit of construction materials that recorded the highest increase in Sabah was plumbing materials in Kota Kinabalu (17.6%), while in Sarawak it was timber in Sibu (31.7%) and bricks & wall materials in Miri (23.3%).

DOSM also explained that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars was RM3,689.50 per metric tonne, recording a 0.5 per cent decrease as compared to the previous month (May 2023: RM3,708.75 per metric tonne). Meanwhile, the average price of cement (Ordinary Portland) increased at a slower rate of 0.2 per cent (May 2023: 1.4%), with an average price of RM22.86 per 50 kg as compared to RM22.81 (May 2023).

Meanwhile, the Building Cost Material Index (BCI) (without steel bars and with steel bars) for all building categories in Peninsular Malaysia in June 2023 increased

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, July 11, 2023

between 0.1 per cent and 4.1 per cent as compared to the previous month. The highest increase was recorded for Timber Piling in Perak, Pahang, and Kelantan & Terengganu.

The BCI (with steel bars) for Sabah recorded a slower increase for almost all construction categories in Kota Kinabalu between 0.1 and 2.0 per cent in June 2023 as compared to the previous month. Meanwhile the BCI for all building categories in Tawau remained unchanged in June 2023 as compared to the previous month.

On a monthly basis, BCI (with steel bars) in Sarawak for June 2023 showed a decrease between 0.1 and 0.5 per cent for almost all building categories especially in Kuching. However, the index in most building categories in Miri and Sibu remained unchanged.

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.


DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

DOSM will release the Advance GDP Estimates beginning in the second quarter of 2023. These advance estimates are an initiative by DOSM to provide an overview of the economic performance four (4) weeks prior to the release of Quarterly GDP.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, July 11, 2023

Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, June 2022 – June 2023



Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, July 11, 2023

Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, June 2022 – June 2023



Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
11 JULY 2023